

Newspaper	Berita Harian
Date	28 May 2015

Najib jawab isu GST, kritikan Tun M

BH - 28/5/2015

» *bistem*
percutaan
perlu diperluas
demi manfaat
ekonomi
jangka panjang

Kritikan terhadap GST

Saya menyedari wujud beberapa kebimbangan berhubung pengenalan GST. Bagaimanapun, sebagai Perdana Menteri, saya bertanggungjawab membuat keputusan terbaik bagi rakyat Malaysia walaupun ia mungkin sukar diterima.

Ketika ini, hanya satu daripada 10 rakyat Malaysia yang membayar cukai pendapatan. Justeru, adalah penting bagi kita memperluaskan sistem percutaan demi manfaat ekonomi jangka panjang.

Selain itu, adalah penting untuk kita mengambil kira 23 peratus daripada pendapatan kerajaan ketika ini dijana menerusi minyak dan gas. Berikutan kejatuhan harga minyak dunia baru-baru ini, Malaysia tidak boleh mengekalkan agenda pembangunannya berteraskan pendapatan sektor ini sahaja. Sehubungan itu, kerajaan mengumumkan pembaharuan sistem percutaan dengan pelaksanaan GST bagi menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

GST akan menyokong agenda pembangunan negara yang lebih kukuh, lestari dan membentuk ekonomi yang telus. Malah, ia berupaya mengurangkan defisit, selain memacu pembangunan nasional untuk pelaburan masa depan.

Kadar GST antara terendah Malangnya, beberapa ahli politik terus rrtényerang pengeralan GST dengan menggambar-kannya sebagai langkah tidak wajar dan tidak perlu bagi negara bersaiz seperti Malaysia, bukannya mencuba untuk memahami rasional ekonomi serta manfaat jangka paryang bakal dinikmati rakyat.

Bagaimanapun, GST bukan fenomena baharu. Ia sudah dilaksanakan di lebih 160 negara dan dalam kalangan negara ASEAN, Malaysia adalah negara kelapan yang memperkenalkan GST. Kadar enam peratus GST yang ditetapkan Malaysia juga adalah antara yang terendah di dunia. Sebagai perbandingan, Filipina, Kemboja, Vietnam, Laos dan Indonesia masing-masing menetapkan GST pada kadar 10 peratus.

Bagaimanapun, saya difahamkan ada pengusaha perniagaan

Datuk Seri Najib Razak semalam menywab clua isu menerusi blog rasminya najibrzak.com berhubung pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) serta beberapa kritikan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad. Peryelasan panjang lebar itu antara lain menyentuh rasional pengenalan GST demi manfaat jangka paryang dalam memastikan Malaysia dapat mencapai matlamat menjadi negara maju. Selain itu, Najib turut mempersoalkan keuajaran Dr Mahathir mengulangi beberapa dakwaan pembangkang untuk mengelirukan rakyat. Ini kali-kedua Perdana Menteri menggunakan blog beliau untuk memberi peryelasan selepas menjawab 13 dakwaan Dr Mahathir pada 17 Mei lalu. Berikut adalah catatan beliau.

kecil dan besar tidak bertanggungjawab cuba mengambil kesempatan terhadap pelaksanaan GST dengan menaikkan harga melampaui kadar enam peratus. Ini tidak boleh diterima sama sekali.

Saya sudah mengarahkan jabatan berkaitan meningkatkan langkah penguatkuasaan bagi memastikan apa juga kenaikan harga oleh pemilik kedai dan perniagaan adalah selari dengan kadar enam peratus GST. Sebarang penyelewengan terhadap sistem percutaan ini yang memberi impak negatif kepada pengguna perlu dihentikan serentak.

Dakwaan Tun Dr Mahathir Saya menerima kritikan dengan minda terbuka dan akan terus menjawab kebimbangan dan maklum balas diterima.

Kita juga perlu sentiasa menghormati mereka yang lebih tua dan banyak berbakti kepada Malaysia. Bagaimanapun, saya tahu ramai yang percaya sudah tiba masa mereka membiarkan generasi seterusnya mentadbir negara, termasuk menyelesaikan masalah dan cabaran mengikut acuan sendiri.

Malaysia adalah negara demokrasi. Saya dipilih oleh UMNO dan rakyat negara ini untuk memimpin mereka. Sehubungan itu, saya mempunyai mandat dan bertanggungjawab kepada parti serta rakyat, bukan manamana individu.

Parti dan rakyat boleh menggunakan hak demokratik mereka pada pilihan raya umum dan pemilihan parti akan datang menerusi kotakundi.

Tambahan pula, kebanyakan tuduhan dibuat Tun adalah tidak adil, selain mengelirukan.

Beliau menentang keras pelaksanaan GST walaupun semua pakar ekonomi percaya langkah memperluaskan asas percutaan negara adalah pendekatan tepat. Pendapatan yang dyana akan digunakan untuk kebajikan rakyat. Malah, idea itu mula dicetuskan di bawah pentadbiran beliau.

Tun juga meleparkan pelbagai dakwaan buruk mengenai isteri dan keluarga saya. Contohnya, ketika berucap di Ipoh,

baru-baru ini, beliau memetik laporan Utusan yang dipaisukan dan cUjadikan modal oleh pembangkang selama ini. Selain itu, beliau mengulangi dakwaan pembangkang yang meijadi momokan pada awal kempen pilihan raya umum lalu, konon-

//
Bagaimanapun, GST bukan fenomena baharu. Ia sudah dilaksanakan di lebih 160 negara dan dalam kalangan negara ASEAN, Malaysia adalah negara kelapan yang memperkenalkan GST. Kadar enam peratus GST yang ditetapkan Malaysia juga adalah antara yang terendah di dunia. Sebagai perbandingan, Filipina, Kemboja, Vietnam, Laos dan Indonesia masing-masing menetapkan GST pada kadar 10 peratus"

Malah, beberapa dakwaan yang dibuat langsung tidak berasas. Sebagai contoh, Tun mendakwa saya bertanggungjawab atas kerugian RM42 bilion dalam penyata kira-kira 1MDB. Dalam hal ini, fakta sengaja diputar belit kerana 1MDB tidak menanggung kerugian sebesar itu"

nya isteri saya memiliki cincin bernilai RM24 juta. Itu satu pembbohongan dan syarikat pemilik cincin itu meryelaskan secara terperinci bahawa Rosmah tidak pernah membeli cincin itu. Saya kesal kerana seorang yang berkedudukan seperti Tun sanggup menabur fitnah sedemikian kepada rakyat.

Beliau turut senada dengan pembangkang dalam membangkitkan isu pembeian jet kerajaan dan mendakwa Yang di-Pertuan Agong tidak menggunakan jet itu, sekali gus menggelar saya penipu. Sekali lagi, ini tidak benar, malah baginda adalah tokoh kenamaan pertama yang menggunakan pesawat itu ke Langkawi dan akan terus berbuat demikian.

Tun turut mengambil kesempatan atas kemelut kewangan yang dihadapi 1MDB ketika ini sebagai alasan menyerang saya. Memang benar 1MDB sedang berdepan pelbagai isu tetapi tidak sampai ke tahap seperti mana tuduhan beliau.

Pakta diputar beUT

Malah, beberapa dakwaan yang dibuat langsung tidak berasas. Sebagai contoh, Tun mendakwa saya bertanggungjawab atas kerugian RM42 bilion dalam penyata kira-kira 1MDB. Dalam hal ini, fakta sengaja diputar belit kerana 1MDB tidak menanggung kerugian sebesar itu.

Itu adalah jumlah keseluruhan hutang tetapi aset 1MDB yang bernilai RM51 bilion adalah jauh lebih tinggi seperti yang diaudit dan disahkan oleh Deloitte (firma audit antarabangsa). Kebanyakan syarikat besar di seluruh dunia menanggung hutang yang tinggi dan ia bukan sesuatu yang menghairankan.

Beliau turut mendakwa saya tidak menywab isu berkaitan 1MDB. Bagaimanapun, saya sudah melakukan lebih daripada itu dan mengarahkan Ketua Audit Negara meijaiaskan audit ke atas 1MDB. Hasilnya kelak akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC). Ini akan memastikan proses itu telus, manakala segala persoalan dibangkitkan berkaitan 1MDB dijawab secara bebas

oleh badan yang sah, bukannya sumber yang mempunyai kepentingan politik.

Tun kerap mendakwa semua tindakannya adalah berdasarkan apa yang diberitahu oleh orang ramai yang menemuinya. Bagaimanapun, beliau sepatunya memeriksa bukti dan kesahihan khabar angin serta dakwaan itu terlebih dulu sebelum memperkatkannya. Beliau tahu ada pelbagai dakwaan timbul ketika pentadbirannya. Lazimnya beliau menjawab: "Mana buktinya?".

Beliau juga patut melakukan yang sama terhadap segala apa didengarnya ketika ini.

Walaupun pelbagai pencapaian dinikmati sepanyang enam tahun pertama pentadbiran saya, segala kemajuan dikecapi negara dan BN tidak dihiraukan. Sebaliknya, apa yang ditamatkan adalah dakwaan tidak berasas dan pembbohongan yang dimulakan oleh pembangkang. Sebahagian besar perkara yang dibangkitkan Tun tidak mempunyai matlamat dan salah belaka. Soalan yang patut ditanya ialah: Apa motif Tun memilih detik ini untuk mengulangi kejelekan yang dimulakan pembangkang - kumpulan sama yang disifatkannya sebagai pembbohong sebelum ini?

Kepentingan rakyat,

parti diutamakan
Sepanjang 22 tahun menyenyai tampuk kuasa, Tun kerap meminta ahli parti menyokong kepemimpinannya, terutama dalam mengharungi detik mencabar. Itulah yang kami lakukan pada waktu itu dan saya menyokongnya di kala susah dan senang. Saya berbuat demikian kerana saya percaya perpaduan parti adalah prasyarat penting dalam mencorakkan apa yang mahu dicapai untuk negara tercinta. Saya masih berpegang kepada pendirian itu. Sebahagian besar ahli UMNO menyedari erti sebenar kesetiaan adalah bekerjasama untuk membina parti demi kesejahteraan rakyat.

Justeru, adalah silap bagi Tun atau mana-mana ahli parti memperlekehkan kepemimpinan parti hari ini hanya kerana kemahuan peribadi mereka tidak dipenuhi. Kepentingan rakyat dan parti adalah jauh lebih utama berbanding seorang individu.

Saya diipilih secara demokrasi oleh parti dan rakyat. Seperti mana mandat diberi, saya akan berkhidmat hingga tamat penggal sebagai Presiden parti dan Perdana Menteri. Keutamaan saya ialah memastikan kita mencapai Wawasan 2020 dan transformasi ekonomi, pentadbiran serta politik yang memanfaatkan setiap rakyat Malaysia.